



# SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## 30 OKU Berjaya Tamatkan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2019

**Bangi, 21 Ogos 2019** – Status sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) tidak menghalang 30 belia OKU untuk berjaya menamatkan program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2019. Program ini adalah anjuran SME Corp. Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Program TUBE bagi kumpulan OKU ini telah dianjurkan buat kali kedua sejajar dengan Manifesto "Kemakmuran Bersama" yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pelancaran Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 bagi memberi tumpuan khusus untuk merapatkan jurang ekonomi serta meningkatkan pendapatan khususnya kepada kumpulan fokus khas seperti OKU, belia dan wanita, masyarakat Orang Asli serta isi rumah berpendapatan rendah (B40). Program ini merupakan kerjasama di antara SME Corp. Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan modul-modul berkaitan perniagaan dan keusahawanan seperti pengurusan kewangan yang berkesan, konsep muamalat, penggunaan platform dalam talian bagi pemasaran produk/perkhidmatan. Selain itu, slot motivasi serta praktikal daripada rakan strategik dan usahawan yang berjaya juga turut diadakan. Peserta program TUBE OKU ini dipilih daripada peserta *2-Years Exit Programme (2YEP)* kelolaan KPWKM yang telah bermula pada tahun 2016. Di bawah program ini, peserta 2YEP akan diberikan Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan jumlah maksimum RM2,700.00 dan diberikan latihan keusahawanan, asas kewangan serta motivasi bagi menggalakkan peserta ini menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari.

Di bawah program TUBE, “Keusahawanan sebagai Kerjaya Pilihan” telah diterapkan di mana 93% peserta OKU (26 orang) daripada 28 peserta yang telah menyertai program TUBE pada tahun 2018 telah berjaya menjadi usahawan dan masih mengekalkan perniagaan mereka secara konsisten. Antara perniagaan yang dijalankan oleh belia OKU ini adalah seperti penghasilan produk kraftangan, perkhidmatan makanan / minuman, aksesori telefon serta aktiviti penternakan. Sehingga kini, semua usahawan ini telah menjana purata jualan terkumpul berjumlah hampir RM100,000 atau purata jualan bulanan mencecah hampir RM4,000 sebulan bagi setiap syarikat. Salah seorang belia OKU yang telah dilatih pada tahun lalu ialah Encik Mohd Shamsudin Mohd Noor yang menjalankan perniagaan aksesori telefon dan gajet kini telah mampu mendapatkan purata jualan kasar mencecah RM40,000 sebulan.

Pada tahun ini, para peserta program telah membuat pembentangan dalam sesi “Pitch2Match” yang merupakan sebahagian daripada penilaian untuk menentukan jumlah geran yang layak, iaitu sehingga maksimum RM15,000. Selain itu, penilaian turut dilakukan bagi menentukan Peserta Terbaik sepanjang program ini dijalankan dan Rancangan Perniagaan (RP) Terbaik. Pada tahun ini, Tuan Mohd Alias Bin Tuan Soh telah dinobatkan Peserta Terbaik, manakala Nor Hafizi Bin Abd Rahman menerima hadiah Rancangan Perniagaan Terbaik di mana masing-masing menerima wang tunai bernilai RM1,000 hasil penajaan tunai daripada rakan-rakan strategik SME Corp. Malaysia seperti Maybank Islamic Berhad, Kumpulan SME Bank dan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC) tahun ini.

Maybank Islamic Berhad yang merupakan bank rasmi bagi program TUBE telah memberi sumbangan bukan sahaja dalam bentuk penajaan tunai tetapi juga membantu dalam menyediakan penceramah bagi sesi perkongsian ilmu perbankan dan juga menyediakan kemudahan pembukaan akaun bagi peserta-peserta TUBE.

Majlis Perasmian dan Penutup Program TUBE OKU ini telah disempurnakan oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) diiringi Dato’ Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Turut hadir di majlis ini adalah Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia dan Encik Zulkifli Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Norliza Mokhtar di talian 03-2775 6175 atau emel – [norliza@smecorp.gov.my](mailto:norliza@smecorp.gov.my) atau Puan Amira Haryany Mohd Amry di talian 03-2775 6177 atau emel – [amiraharyany@smecorp.gov.my](mailto:amiraharyany@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : 603-2775 6000  
Fax : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Website : [www.smecorp.gov](http://www.smecorp.gov).

**SME Corp. Malaysia**

-  
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.